**5226/1**
**Tasawwur Islam**
**Tingkatan 5**
**Peperiksaan**
**Percubaan SPM**
**Ogos 2019**
**1 ¼ Jam**

SMK SUNGAI BESI
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2019

# TASAWWUR ISLAM

## Kertas 1

Satu jam lima belas minit

Nama Pelajar : ___________________________________

Tingkatan : ___________________________________

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian : Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab **Semua** bahagian
3. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan dan **Bahagian B** mengandungi **20** soalan
4. Hitamkan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan pada halaman belakang dalam kertas soalan ini
5. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Guru Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperolehi |
| **A** | **1-20** | 20 | |
| **B** | **21-40** | 20 | |
| **JUMLAH** | | 40 | |

Kertas soalan ini mengandungi sembilan halaman bercetak

| Disediakan oleh : | Disemak oleh : | Disahkan oleh : |
|---|---|---|
| ………………… | ………………… | ……………….. |
| (NORAZLINA BT ABDUL HALIM ) | (PN SARENIE KINSAU) | ( ) |
| Ketua Panitia Tasawwur Islam | Ketua Bidang Kemanusiaan | |

Jawab semua soalan

**BAHAGIAN A**
(20 markah)

1 Uluhiyyah ialah percaya ____________
A bahawa Allah s.w.t. Maha Esa
B bahawa Allah s.w.t. Maha Berkuasa
C bahawa Allah s.w.t. Maha Bijaksana
D bahawa Allah s.w.t. Maha Mendengar

2 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai rasul, kecuali
A dianugerahkan wahyu
B bilangan rasul 313 orang
C setiap nabi adalah rasul
D rasul menerima suhuf

3 Takrif yang tepat bagi perkataan insan ialah
A makhluk istimewa yang boleh berfikir dan mempunyai kehendak
B makhluk istimewa yang boleh berfikir dan berkemampuan menerima ilmu
C makhluk istimewa yang berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak
D makhluk istimewa yang boleh berfikir dan, berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak

4 Wahyu diturunkan kepada nabi dan rasul melalui _________

i di sebalik tabir
ii perantaraan wali
iii perantaraan Jibril
iv mimpi yang benar

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

5
| |
|---|
| *Dan kami turunkan kepada kamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan bagi orang-orang Islam.* |
| *Surah an-Nahl : ayat 89* |

Maksud ayat al-Quran di atas adalah menerangkan tentang aspek

A Mukjizat Al-Quran
B pahala membaca al-Quran
C penurunan al-Quran
D kesyumulan al-Quran

6

| |
|---|
| Diriwayatkan oleh seorang yang dituduh pendusta, melakukan perbuatan fasik dan pelupa. |

Ciri-ciri di atas adalah gambaran bagi hadis jenis __________

A Syaz
B Dhaif
C Sahih
D Hasan

7 Yang manakah antara pernyataan berikut menerangkan cara menangani budaya asing?.

i Meniru cara barat
ii Mengamalkan cara hidup sihat
iii Mendalami ilmu pengetahuan
iv Menerima berita tanpa ditapis

A i dan ii
B iii dan iv
C ii dan iii
D i dan iv

8

- Islam agama wahyu bukan ciptaan manusia
- Seluruh makhluk merupakan hak milik Allah s.w.t.
- Allah s.w.t. yang menyediakan peraturan hidup

Pernyataan di atas merujuk kepada

A dasar syariat Islam
B bentuk Syumuliyyah
C ciri-ciri agama Islam
D prinsip-prinsip Rabbaniyyah

9

| |
|---|
| Lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan akhirat |

Pengertian di atas merujuk kepada

A Syumuliyyah
B Waqi'iyah
C Uluhiyyah
D Rabbaniyyah

10 Kelebihan sifat Thabat ialah

i dapat mengawal nafsu syahwat
ii menjaga martabat dan maruah diri seseorang
iii memastikan umat Islam patuh kepada perintah Allah
iv membezakan antara orang Islam dengan orang kafir

A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, iii dan iv
D i, ii dan iv

11 Antara tanggungjawab hakim adalah
A Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah
B Beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T
C Mencari saksi dan bukti yang sah
D Membicarakan pesalah

12 Antara berikut, yang manakah **bukan** implikasi pengabaian tanggungjawab sosial?
A Perbalahan dan perpecahan keluarga.
B Keharmonian dan perpaduan tergugat.
C Penyelewengan tanggungjawab dan amanah.
D Sumber-sumber alam digunakan sebaik-baiknya.

13 Manakah pernyataan yang menggambarkan cara membelanjakan harta untuk keluarga?

A Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir
B Mengeluarkan zakat dan membayar cukai
C Membantu orang yang ditimpa bencana
D Bersedekah dan menderma

14 Berikut adalah kesan buruk pekerjaan yang haram terhadap diri dan keluarga

I Hidup dalam ketakutan dan kebimbangan
II Dibelenggu rasa bersalah terhadap masyarakat
III Kehidupan masyarakat akan bertambah mundur
IV Hidup tidak akan diberkati oleh Allah s.w.t

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

15

| |
|---|
| Suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dalam sesuatu kegiatan ekonomi dan berkongsi keuntungan |

Istilah di atas merujuk kepada
A Al-Wadiah
B Al-Mudharabah
C Al- Murabahah
D Al-Musyarakah

16 Antara berikut yang manakah **bukan** matlamat fatwa
A Mengelakkan perselisihan pendapat dalam masyarakat
B Memastikan umat Islam sentiasa patuh kepada perintah Allah s.w.t
C Memastikan masyarakat prihatin dengan setiap fatwa yang dikeluarkan
D Menyelesaikan masalah dalam masyarakat dengan cara yang terbaik berlandaskan al-Quran dan al-Hadis.

17 Berikut adalah perkara-perkara yang boleh merosakkan ibadat

i Arak
ii Syirik
iii Membunuh
iv Hasad dengki

A i dan ii
B ii dan iv
C ii dan iii
D iii dan iv

18

Mengenal pasti masalah yang berlaku.

↓

**X**

↓

Mengenal pasti kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah

↓

Menguji dan mengaplikasi kaedah penyelesaian masalah.

Carta aliran di atas merupakan langkah yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
X ialah:

A Melakukan penilaian semula.
B Menerangkan akibat perbuatan berkenaan.
C Mengenal pasti punca masalah secara terperinci.
D Memberi nasihat secara berhemah.

19 Berikut merupakan cara mewujudkan perpaduan ummah menurut Islam, ***kecuali***:-

A bekerjasama antara satu sama lain.
B bertoleransi dalam semua perkara.
C sayang-menyayangi antara satu sama lain.
D hormat-menghormati antara satu sama lain.

20 Mengapakah penyelesaian masalah mesti dirujuk kepada orang yang berilmu?

A Supaya penyelesaian dapat dibuat dengan senang.
B Kerana mereka lebih dekat dengan Allah s.w.t.
C Kerana mereka berpengalaman dan memahaminya.
D Supaya masalah tersebut tidak berulang semula.

## Bahagian B

**Soalan 21 hingga soalan 24**
Tulis ***istilah*** yang betul pada ruangan yang disediakan.

| No.Soalan | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|
| 21 | Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah s.w.t | ____________________ |
| 22 | Mengakui hanya Allah s.w.t. Pencipta, Pentadbir dan Pemilik alam ini. | ____________________ |
| 23 | Harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang berkaitan dengan agama Islam | ____________________ |
| 24 | Memberikan sesuatu barangan yang berharga kepada seseorang untuk mendapatkan atau melepaskan sesuatu tindakan dengan cara yang salah. | ____________________ |

**Soalan 25 hingga soalan 28**

Lengkapkan pernyataan berikut.

25. Menolak al-Quran dan hadis akan membawa kepada __________________.

26. Antara kepentingan hadis ialah ____________ hukum-hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran.

27. _____________ harta penting untuk mendorong manusia berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari harta.

28. Rasulullah s.a.w. menggalakkan umatnya ________________ seperti berniaga, bertani dan sebagainya.

**Soalan 29 hingga soalan 32**

Tandakan ( / ) pada pernyataan yang betul. Tandakan ( X ) pada pernyataan yang salah.

29. Islam bererti kepatuhan, kesejahteraan dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t. [ ]

30. Wahyu al-Quran tidak terjamin daripada sebarang perubahan dan pemalsuan hingga hari kiamat. [ ]

31. Al-Ijarah ialah proses yang membolehkan kita membeli sesuatu barangan dengan bayaran tertangguh.. [ ]

32. Muamalah Islam memberi kesan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan.

**Soalan 33 dan 34**

*Jadual di bawah berkaitan ciri-ciri pandangan hidup muslim.*

| Bil | Pernyataan | Maksud |
|---|---|---|
| 1 | ______T____ | segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT. |
| 2 | ______U____ | Lengkap dan sempurna Iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah lengkap dan sempurna |

33 T ialah : ________________________________

34 U ialah : ________________________________

**Soalan 35 dan 36**

*Jadual di bawah berkaitan kesalahan jenayah hukum hudud.*

| Bil | Kesalahan Hudud | Hukuman |
|---|---|---|
| 1 | Qazaf | ____X__________ |
| 2 | _______Y______ | Disebat 40 kali sebatan |
| 3 | Mencuri | Dipotong tangan di pergelangan tangan |

35 X ialah : ________________________________

36 Y ialah : ________________________________

**Soalan 37 dan 38**
Carta di bawah berkaitan dengan hubungan yang telah digariskan dalam sistem sosial Islam.




Nyatakan perkara P dan Q.

37. P : ______________________________

38. Q : ______________________________

**Soalan 39 dan 40**
Carta di bawah menunjukkan sumber utama dalam Perundangan Islam




Tuliskan sumber bagi ruangan yang bertanda :

39 R : ____________

40 S : ____________

**KERTAS SOALAN TAMAT**

KERTAS JAWAPAN TASAWWUR ISLAM KERTAS 1

NAMA: ……………………………..........……………………..........
TINGKATAN: ……………………

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | A | B | C | D | 21. ……………………………………………………… |
| 2. | A | B | C | D | 22. ……………………………………………………… |
| 3. | A | B | C | D | 23. ……………………………………………………… |
| 4. | A | B | C | D | 24. ……………………………………………………… |
| 5. | A | B | C | D | 25. ……………………………………………………… |
| 6. | A | B | C | D | 26. ……………………………………………………… |
| 7. | A | B | C | D | 27. ……………………………………………………… |
| 8. | A | B | C | D | 28. ……………………………………………………… |
| 9. | A | B | C | D | 29. ……………………………………………………… |
| 10. | A | B | C | D | 30. ……………………………………………………… |
| 11. | A | B | C | D | 31. ………………………………………………………. |
| 12. | A | B | C | D | 32. ………………………………………………………. |
| 13. | A | B | C | D | 33. ………………………………………………………. |
| 14. | A | B | C | D | 34. ………………………………………………………. |
| 15. | A | B | C | D | 35. ………………………………………………………. |
| 16. | A | B | C | D | 36. ………………………………………………………. |
| 17. | A | B | C | D | 37. ……………………………………………………… |
| 18. | A | B | C | D | 38. ……………………………………………………… |
| 19. | A | B | C | D | 39. …………………………………………………….. |
| 20. | A | B | C | D | 40. ……………………………………………………… |